

## Gerontologi Dalam Al-Quran

### Gerontology in the Al-Quran

Shah Rizul Izyan Binti Zulkiply<sup>1</sup>, Noornajihan Binti Jaafar<sup>2</sup>, Mohd Zahir Abdul Bin Rahman<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia;

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia;

<sup>3</sup> Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia;

#### Article progress

Accepted: 15 March 2020

Reviewed: 24 December 2020

Published: 30 November 2021

#### \*Corresponding author:

Shah Rizul Izyan Binti  
Zulkiply, Fakulti Pengajian  
Quran dan Sunnah, Universiti  
Sains Islam Malaysia, Nilai,  
Negeri Sembilan, Malaysia;  
Email:  
albahanji\_1608@yahoo.com

**Abstrak:** Gerontologi adalah kajian tentang proses penuaan serta masalah yang dihadapi oleh orang tua. Proses penuaan merupakan satu proses yang akan dialami oleh setiap manusia. Meskipun pelbagai usaha yang dilakukan untuk kekal muda dari sudut perubatan, kosmetik dan teknologi namun manusia masih tidak mampu lari dari berlakunya proses penuaan. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengumpulkan ayat al-Quran mengenai tua dengan menggunakan “kata kunci” yang menunjukkan kepada maksud tua atau warga emas. Selain itu, kajian ini juga akan menghuraikan sifat warga emas dari sudut al-Quran, pandangan ulama serta barat. Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan dengan menjadikan buku dan artikel sebagai panduan. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat 16 ayat al-Quran yang mempunyai perkataan tua dan membawa erti tua. Kajian ini bermanfaat kepada masyarakat supaya lebih memahami dan empati kepada warga emas serta sebagai persediaan manusia sebelum menjelang usia emas.

**Kata kunci:** Gerontologi, warga emas, al-Quran

**Abstract:** Gerontology is the study of the aging process as well as the problems faced by the elderly. The aging process is a process that will be experienced by every human being. Despite various efforts to stay young in terms of medicine, cosmetics and technology, humans are still unable to escape from the aging process. Therefore, this study aims to collect Quranic verses about the elderly by using "keywords" that indicate the meaning of the elderly or the elderly. In addition, this study will also describe the nature of the elderly from the perspective of the Qur'an, the views of scholars and the west. This study uses the library method by making books and articles as a guide. The results show that there are 16 verses of the Quran that have old words and carry old meanings. This study is beneficial to the community to better understand and empathize with the elderly as well as as a human preparation before the golden age.

**Keywords:** gerontology; elderly; al Quran

## Pendahuluan

Usia tua mempunyai definisi serta persepsi pelbagai mengikut agama, budaya, negara malah individu. Islam memandang tinggi dan memuliakan orang tua. Malah

usia tua juga dianggap satu fasa kerehatan dari kesibukan dunia serta fasa bertenang untuk manusia menumpukan seluruh masanya bagi mendekati diri kepada Allah. Penuaan bukanlah suatu kelemahan, tetapi suatu fasa manusia untuk perlahan-lahan

melepaskan urusan duniawi. Namun setiap agama, bangsa, negara dan individu mempunyai perspektif berbeza mengenai usia tua. Oleh itu, kajian ini akan membawa maksud orang tua menurut Islam serta kupasannya berdasarkan al-Quran dan Hadis.

## Definisi Warga Emas dan Pembahagian Usia

Warga emas ditakrifkan sebagai seseorang yang berusia 60 tahun ke atas berdasarkan definisi World Assembly on Aging sekitar tahun 1982 di Vienna. Manakala, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mentakrifkan “negara tua” berdasarkan kepada majoriti jumlah penduduknya. Dikotomi yang digunakan PBB ialah penduduk yang berusia 65 tahun ke atas bagi Negara Maju dan 60 tahun bagi negara sedang membangun. Negara Malaysia masih berada disituasi negara membangun dan secara automatik menjadikan usia 60 tahun sebagai usia warga emas (Surina Nayan, 2006 dan Khadijah Alavi 2011). Nor Raudah (2015) menyatakan, perbezaan takrifan 60 dan 65 tahun warga emas itu adalah kerana negara maju mempunyai taraf ekonomi, pendidikan, taraf kesihatan dan kemudahan perubatan yang lebih baik menjadikan warga emas di negara tersebut jangka hayatnya lebih panjang berbanding dengan negara yang sedang membangun. Definisi ini turut dipersetujui Zabidi et al., (2016) bahawa, usia 65 tahun merupakan had umur yang realistik untuk digelar sebagai warga emas.

Manakala Rogers (1979: 286) dalam kajiannya, bersetuju dengan pandangan Neugarten yang mentakrifkan usia tua kepada tiga pentakrifan iaitu awal tua, pertengahan tua dan terlalu tua. Warga emas yang berada pada peringkat usia awal tua ialah mereka yang berusia 55 tahun hingga 65 tahun serta masih mampu melakukan kerja dan masih boleh menyumbangkan sesuatu kepada masyarakat. Sementara warga tua yang berada pada peringkat pertengahan usia tua ialah mereka yang berusia 65 tahun hingga 75 tahun. Kebiasaannya mereka ini telah bersara dari sektor pekerjaan dan mempunyai taraf kesihatan yang agak baik serta mampu untuk memperbaiki nasib mereka. Manakala warga emas yang berada pada peringkat usia terlalu tua ialah mereka yang berumur melebihi 75 tahun ke atas. Kebiasaannya takrifan ketiga ini merujuk kepada warga emas yang nyanyuk, kesihatan yang kurang baik serta kurang memberi sumbangan kepada masyarakat.

Menurut Erikson (1950) dalam bukunya *Childhood and Society*, kategori dewasa dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu dewasa awal berumur antara

usia 18-40 tahun, dewasa pertengahan antara usia 41-59 tahun dan dewasa akhir adalah seseorang yang berusia 61 tahun dan ke atas. Kategori dewasa akhir inilah yang dikenali sebagai warga emas. Abdullah Hadad (1984: 41) memetik pandangan Ibn al-Jauzi yang mendefinisikan usia tua kepada dua peringkat umur iaitu peringkat tua dan peringkat tua bangka. Pada usia peringkat tua adalah warga tua yang berumur 50 hingga umur 70 tahun dan peringkat tua bangka pula adalah warga emas yang berumur 70 tahun hingga ke akhir hayat. Pembahagian usia tua ini turut diperakui WHO Pertubuhan Kesihatan Sedunia (W.H.O) yang membahagikan tua kepada 3 peringkat iaitu peringkat awal (50 hingga 65 tahun), peringkat pertengahan (65 hingga 75 tahun) dan peringkat akhir (75 tahun ke atas).

Bagi pandangan Al-Tobarī (1992: 292), warga emas adalah seseorang yang berumur 75 tahun ke atas dan akan beransur-ansur menjadi bodoh seperti di zaman kanak-kanak. Sementara bagi pandangan al-Razī (2000: 62), usia tua merupakan perpindahan manusia daripada sempurna kepada kekurangan, daripada kuat kepada lemah, muda kepada tua, daripada sakit kepada uzur dan daripada akal sempurna kepada pelupa. Namun begitu, terdapat juga warga tua yang hebat dan sentiasa berfikiran jauh ketika di usia tua. Mereka ini terus-menerus mengasah pemikiran sehingga akal fikiran, emosi dan rohaniah mereka menjadi cerdas.

Namun bagi Said Nursi (tth) dalam karyanya “Kilauan 26, Risalah Orang Tua”, beliau menyatakan bahawa permulaan usia tua adalah ketika usia 40 tahun. Menariknya dalam bahasa Arab terdapat pelbagai perkataan yang menunjukkan proses perkembangan manusia bermula peringkat baligh, remaja, dewasa sehingga peringkat tua. Menurut al-Thalibi (2000) seseorang yang berumur lebih dari 60 tahun memiliki pelbagai perkataan khusus yang digunakan mengikut tahap perkembangan seperti توجه, دلق, دب, مج هدج ثلب, توجّه, دلق, دب, مج هدج ثلب. Oleh itu, dalam mentakrifkan perkataan شيخ atau warga emas, Ibrahim al-Anis et al., (1972) dalam al-Mu’jam al-Wasit menyatakan شيخ merupakan usia seorang yang berusia 50 tahun ke atas dan berada antara peringkat كهل dengan هزم. Sementara istilah هزم pula di takrifkan sebagai seseorang yang sangat tua lagi lemah dari sudut fizikal dan mental.

## Warga Emas dalam Al-Quran

Al-Quran menyebut usia tua dengan pelbagai istilah. Oleh itu, bagi memperolehi ayat-ayat berkaitan warga emas dalam al-Quran, kajian ini akan menggunakan

kaedah pencarian menerusi kitab Mu'jam Mufahras li Al-Faz al-Quran karya Muhammad Fuad Abd al-Baqi, (2002) dan laman sesawang al-Quran terpilih seperti tanzil.net dengan menggunakan kata dasar “al-kabir”, “syekh”, ‘ajuz”, da‘fan washaibah, dan arzali al-‘umur yang membawa makna tua. Berikut merupakan ayat al-Quran yang menceritakan mengenai usia lanjut dan menceritakan bahawa perihal tua sebagai lemah dan tidak berdaya.

## Perkataan Syekh dalam Al-Quran

Menurut al-Raghib perkataan “Syekh” merujuk kepada dua makna iaitu orang yang sudah tua atau orang yang memiliki banyak ilmu, pengalaman serta pengetahuan seolah-olah seperti orang tua.

شَيْخًا بَعْلِي وَهَذَا عَجُوزٌ وَأَنَا أَلِدٌ وَيَلْتَنِي يَا قَالَتْ

“Isterinya berkata: "Sungguh ajaib keadaanku! Adakah aku akan melahirkan anak padahal aku sudah tua dan suamiku ini juga sudah tua?" - Surah Hud 11 : 72

Menurut al-Qurtubiy dan al-Tobari, perkataan ‘Ajuz dalam surah Hud ayat 72 merujuk kepada percakapan Sarah yang ketika itu berumur dalam lingkungan 90 tahun atau 99 tahun. Sementara Syekh dalam ayat yang sama merujuk kepada Nabi Ibrahim yang ketika itu berumur dalam 100 atau 120 tahun.

مَكَانَهُ أَحَدَنَا فَخُذْ كَبِيرًا شَيْخًا أَبَا لَهُ إِنَّ الْعَزِيرُ أَيُّهَا يَا قَالُوا

“Mereka pun merayu dengan berkata: "Wahai datuk menteri! Sesungguhnya ia (Bunjamin), mempunyai bapa yang sudah tua, lagi berpangkat”. - Surah Yusuf 12: 78

Ayat ini merujuk kepada Nabi Yaakub AS. Menurut al-Qurtubi, Syekh Kabir dalam ayat ini bermakna Nabi Yaakob yang merupakan ayah kami (anak Nabi Yaakob) seorang yang hebat dan besar nilainya di sisi kami. Perkataan syekh dalam ayat ini juga merujuk kepada kemuliaan seseorang itu.

كَبِيرٌ شَيْخٌ وَأَبُونَا ۖ الرَّعَاءُ يُصْدِرَ حَتَّى تَسْتَوِيَ لَا قَالَتْ

“Mereka menjawab: "Kami tidak memberi minum (kambing-kambing kami) sehingga pengembala-pengembala itu membawa balik binatang ternak masing-masing; dan bapa kami seorang yang terlalu tua umurnya.” - Surah Qashash 28:23

Ayat ini merujuk kepada Nabi Shuib AS yang mempunyai 2 orang anak perempuan.

طِفْلًا يُخْرِجُكُمْ ثُمَّ عَلَقَةٍ مِنْ ثُمَّ نُطْفَةٍ مِنْ ثُمَّ تُرَابٍ مِمَّنْ خَلَقَكُمْ الَّذِي هُوَ قَبْلُ مِنْ يَتَوَفَّى مَنْ وَمِنْكُمْ شَيْوُخًا لِيَتَّخِذُوا مِنْكُمْ شِدَادًا لِيَتَّبِعُوا لَكُمْ مِّنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَكُمْ الْعَذَابُ فَكُلُوا وَشَابُوا بِآيَاتِهِ إِنَّكُمْ كُنْتُمْ عَشِيرًا ضَالَّةً

“Dia lah yang menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari (setitis) air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging; kemudian Ia mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian kamu (dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; kemudian kamu (dipanjangkan umur) hingga sampai menjadi tua. Dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan sebelum itu. (Allah melakukan kejadian yang demikian) supaya kamu sampai ke masa yang ditentukan (untuk menerima balasan); dan supaya kamu memahami (hikmat-hikmat kejadian itu dan kekuasaan Tuhan)” - Surah Ghafir 40: 67

Sementara pada ayat ini menggambarkan kronologi penciptaan manusia dari peringkat permulaan sehingga berakhir dengan tua sekiranya dipanjangkan umur.

## Perkataan ‘Ajuz dalam al-Quran

Menurut Raghib perkataan ‘Ajuz merujuk kepada wanita yang sudah tua yang tidak mampu dan lemah dalam segala hal.

شَيْخًا بَعْلِي وَهَذَا عَجُوزٌ وَأَنَا أَلِدٌ وَيَلْتَنِي يَا قَالَتْ

“Isterinya berkata: "Sungguh ajaib keadaanku! Adakah aku akan melahirkan anak padahal aku sudah tua dan suamiku ini juga sudah tua?"

الْعَابِرِينَ فِي عَجُوزًا إِلَّا

“Kecuali seorang perempuan tua tertinggal dalam golongan yang kena azab itu” - Surah As-Syura 26: 171; Surah as-Shafat 37: 135

عَقِيمٍ عَجُوزٌ وَقَالَتْ وَجْهَهَا فَصَكَّتْ صَرَّةً فِي امْرَأَتِهِ فَأَقْبَلَتْ

“(Mendengarkan berita yang menggembirakan itu), maka datanglah isterinya sambil menjerit (kehairanan) lalu menepuk mukanya sambil berkata: "Aku sudah tua, lagi mandul, (bagaimana aku boleh mendapat anak)?" - Surah az-Zariyat 51: 29

## Perkataan al-Kabir dalam al-Quran

Menurut Raghīb, perkataan al-Kabir menggambarkan sebuah masa dan ini juga menunjukkan seseorang yang berusia lanjut sebagaimana gambaran Allah terhadap usia Nabi Zakaria dan Nabi Ibrahim AS;

عَاقِرٌ وَامْرَأَتِي الْكَبِيرُ بَلَّغْنِي وَقَدْ غُلَامٌ لِي يَكُونُ أَنَّى رَبِّ قَالَ

“Nabi Zakaria berkata: "Wahai Tuhanku! Bagaimanakah aku akan beroleh seorang anak, padahal sebenarnya aku telah tua dan isteriku pula mandul?" - Surah Ali-‘Imran 3: 40

وَإِسْحَاقَ إِسْمَاعِيلَ الْكَبِيرَ عَلَىٰ لِي وَهَبَ الَّذِي لَلَّهِ الْحَمْدُ

"Segala puji tertentu bagi Allah Yang telah mengurniakan kepadaku semasa aku tua: Ismail dan Ishak" - Surah Ibrahim 14: 39

تُبَشِّرُونَ فِيمَ الْكَبِيرِ مَسْنِيَّ أَنْ عَلَىٰ أَبَشْرًا تَمُونِي قَالَ

Nabi Ibrahim berkata: "Betulkah kamu menggembirakan daku (dengan berita yang demikian), padahal aku telah tua; maka dengan jalan apakah kamu menggembirakan daku?" - Surah al-Hijr 15: 54

كِلَاهُمَا أَوْ أَحَدُهُمَا الْكَبِيرَ عِنْدَكَ يَبْلُغَنَّ إِمَّا

“Jika salah seorang dari keduanya, atau keduanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu” - Surah al-Isra’ 17: 23

Perkataan al-Kabir dalam ayat 23 surah al-Isra’ merujuk kepada ibu dan ayah. Menurut al-Mawardiyy (tth), perkataan ini mempunyai dua maksud iaitu seseorang yang mencapai usia lanjut dan fikiran yang luas dan seseorang yang berusia lanjut dan mempunyai fizikal yang lemah.

### Perkataan Da‘fan Washaibah dalam al-Quran

Kronologi dalam surah ar-Rum 30:54 telah di susun bermula dari kehidupan seorang bayi yang lemah dan berakhir juga dalam keadaan lemah iaitu usia tua.

جَعَلَ ثُمَّ قُوَّةً ضَعْفَ بَعْدَ مِنْ جَعَلَ ثُمَّ ضَعْفَ مِنْ خَلَقَكُمْ الَّذِي اللَّهُ الْقَدِيرُ الْعَلِيمُ وَهُوَ ۖ يَشَاءُ مَا يَخْلُقُ ۖ وَشَيْبَةً ضَعْفًا قُوَّةً بَعْدَ مِنْ

“Allah yang menciptakan kamu bermula dengan keadaan lemah, selepas berkeadaan lemah itu Ia menjadikan kamu kuat. Setelah itu Ia menjadikan kamu lemah pula serta tua beruban. Ia menciptakan apa

yang dikehendaki- Nya, dan Dialah jua yang Maha Mengetahui lagi Maha Kuasa” - Surah Ar-Rum 30: 54

Menurut al-Marāghī (2001, Jilid 11: 5347), ayat ini menjelaskan kekuasaan Allah SWT dalam mengawasi manusia sehingga berlaku perubahan pada setiap tahap peringkat perkembangan manusia. Peringkat perkembangan manusia yang dimaksudkan ialah daripada lemah iaitu bayi kepada kuat menjadi dewasa dan setelah kuat kembali menjadi lemah kembali iaitu usia tua. Selain itu, Allah SWT turut menceritakan secara terperinci menerusi surah al-Haj dan Ghafir, mengenai kejadian manusia dengan setiap peringkat. Meskipun dalam surah al-Haj Allah SWT sudah menceritakan mengenai kejadian manusia namun pengulangan ayat masih berlaku di surah Ghafir.

### Perkataan Arzal al-‘Umur dalam al-Quran

مَنْ يَعْلَمَ لِكَيْلَا الْعُمْرِ أُرْدَلِ إِلَىٰ يُرْدُ مَنْ وَمِنْكُمْ يَتَوَقَّىٰ مَنْ وَمِنْكُمْ أَهْتَرَتْ الْمَاءَ عَلَيْهَا أَنْزَلْنَا فَإِذَا هَامِدَةٌ الْأَرْضِ وَتَرَىٰ ۖ شَيْبًا عِلْمَ بَعْدَ بِيَجِجِ رُوحِ كُلِّ مِنْ وَأَنْبَتَتْ وَرَبَّتْ

“Dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga ia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahuinya dahulu” Surah al-Haj 22: 5

Firman Allah SWT dalam surah al-Nahl 16: 70

إِنَّ ۖ شَيْبًا عِلْمَ بَعْدَ يَعْلَمَ لَا لِكَيْ الْعُمْرِ أُرْدَلِ إِلَىٰ يُرْدُ مَنْ وَمِنْكُمْ قَدِيرٌ عَلِيمٌ اللَّهُ

“Kemudian Ia menyempurnakan tempoh umur kamu, (maka ada di antara kamu yang disegerakan matinya) dan ada pula di antara kamu yang dikembalikannya kepada peringkat umur yang lemah (peringkat tua kebudak-budakan- ) sehingga menjadilah ia tidak ingat akan sesuatu yang telah diketahuinya, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Kuasa”.

### Perkataan Nu‘ammir dalam al-Quran

Usia tua yang diberi kepada manusia bukanlah suatu yang sia-sia melainkan bertujuan agar seseorang itu menggunakan masa yang ada untuk menambah amal kebaikan dan berterusan untuk mendalami ilmu Allah SWT. Hal ini disebut al-Quran menerusi firman Allah SWT dalam surah Fatir 35: 37

تَذَكَّرَ مَنْ فِيهِ يَتَذَكَّرُ مَا نُعَمِّرُكُمْ أَوْلَمْ

“Bukankah Kami telah melanjutkan umur kamu dan memberikan masa yang cukup untuk berfikir.”

Menurut Sayyid al-Tantawi (1987) ayat ini merupakan teguran Allah SWT kepada manusia yang terus hidup dalam kelalaian dengan kehidupan dunia. Sedangkan usia mereka itu mampu untuk mencari kebenaran atau cahaya keimanan. Begitu juga menerusi surah Yassin 36:68 Allah mengingatkan manusia yang diberi usia yang panjang dengan ayat sedemikian:

يَغْفُلُونَ أَفَلَا ۖ الْخَلْقُ فِي نُفْسِهِ نُعَمِّرُهُ وَمَنْ

“Dan barang siapa kami panjangkan umurnya nescaya kami kembalikan dia kepada kejadiannya. maka apakah mereka tidak memikirkannya”.

Ayat ini menggambarkan seorang hamba yang di panjangkan usianya namun ditarik kekuatan fizikalnya (Ibn Kathir, 1997: 588). Sementara bagi as-Sa’diy (2002; 821) ayat ini menjelaskan, usia tua seolah seperti keadaan usia bayi, iaitu keadaan yang lemah dari sudut fikiran dan fizikal. Beliau menambah, kelemahan serta usia lanjut seseorang anak Adam itu haruslah dimanfaatkan ucapan, daya fikir untuk taat kepada Allah.

Selain itu, al-Qurtubi (1996) berkata, “Syeikh” (orang yang tua) adalah orang yang telah melewati 40 tahun, malah Ibn Qayyim (1971; 162) turut mengatakan, setelah usia 40 tahun, kekuatan dan fungsi organ tubuh mulai menurun. Dan kemerosotan ini berlaku secara berperingkat sebagaimana dahulu perkembangan bayi juga turut berlaku secara peringkat.

Secara umumnya, terdapat beberapa perkataan yang di gunakan dalam al Quran untuk menunjukkan usia tua, antaranya adalah الْكِبَرُ عَجُوزٌ, شَيْبُوحٌ. Malah terdapat juga perkataan-perkataan yang di gunakan bagi melambangkan lanjut usia seperti اَرْدَلِ الْعُمْرِ, اَزْدَلِ وَشَيْبَةَ نُعْمِرُهُ, . ulama Islam banyak membahaskan mengenai usia tua serta pembahagiannya. Seperti yang di nukilkan oleh Elmi Baharudin (2013) ahli tafsir menyatakan warga emas adalah mereka yang berumur 50 tahun dan terdapat perubahan secara perlahan-lahan kepada akal dan fizikal sedikit demi sedikit hingga ke peringkat umur 75 tahun ke atas (Hamka 1999). Selain itu, beliau menyatakan pada peringkat umur tersebut, warga emas akan kembali seperti akal kanak-kanak dengan ingatan yang sudah kurang berfungsi dengan baik. Keadaan ini disebabkan oleh masalah kesihatan dan lemahnya tubuh badan serta uzur .

## Tiga Jenis Penuaan

Rumusannya, terdapat 3 jenis kemerosotan yang akan berlaku pada manusia menjelang usia tua. pertama dari sudut fizikal, psikologi dan juga kognitif. Proses penuaan bermula ketika berumur 30 tahun, ini di sebabkan DNA pembaik pulih tidak mampu lagi bekerja se pantas dan secepat dahulu (Zainah Moktar, 2011) .

### i. Fizikal

Dari sudut fizikal, warga emas akan mengalami proses kehilangan serta gangguan pada post mitotik (neuron) dalam badan. Ahli Gerontologi Cary S. Kart (1997: 22) menganggap, proses menjadi tua adalah lanjutan daripada proses kehidupan manusia dan benda-benda hidup yang lain dengan adanya permulaan sudah pastinya akan diakhiri dengan kematian. Menurut Seow Ta Wee dan Shalini (2014), beberapa perubahan fizikal mungkin berlaku ketika menginjak usia tua seperti rambut secara perlahan-lahan menjadi beruban, badan menjadi bongkok, kulit menjadi semakin nipis, mudah pecah, kering dan berkedut. Selain itu, saluran darah manusia juga mula menjadi lebih tebal, fungsi buah pinggang juga turut berkurangan serta kelenjar prostat (lelaki) semakin membesar. Paru-paru warga emas juga akan semakin kurang berfungsi serta mengalami perubahan deria rasa. Pergerakan usus semakin lambat, sakit sendi (osteoarthritis) serta otot menjadi kurang kuat. Keadaan mata perlahan-lahan menjadi terbenam dan berkedut, mata berselaput, penglihatan dan pendengaran menjadi semakin berkurangan. Warga emas akan mengalami reaksi saraf lebih perlahan, sistem pertahanan tubuh berkurangan serta mudah sakit. Putus haid bagi wanita dan masalah kurang hormon androgen bagi lelaki. Manakala al-Alūsī (1994) pula menyatakan, warga emas adalah mereka yang telah lemah kekuatan fizikal, telah rosak pancaindra seperti mana di waktu mereka kanak-kanak dahulu.

Kurt Wolff (1959: 7) pula berpendapat, terdapat beberapa tanda yang menyebabkan seseorang itu dianggap tua antaranya terdapat peningkatan tisu penghubung dalam sesuatu organisma, terdapat pengurangan bahan elastik pada tisu penghubung, kehilangan elemen-elemen sel dalam sistem saraf, berlaku pengurangan bilangan secara normal sel yang berfungsi atau normal, berlakunya peningkatan kadar lemak dalam badan, pengurangan dalam denyutan jantung di bawah keadaan rehat. Kemerosotan fizikal ini sudah pasti memberi kesan kepada emosi dan

tingkah laku warga emas. Meskipun pelbagai usaha dari sudut teknologi kecantikan, kesihatan dan sebagainya, manusia tetap tidak boleh lari dari fitrah melalui proses penuaan. Namun, setiap manusia haruslah bertanggungjawab menjaga amanah iaitu tubuh badan dengan menjaga kesihatan bagi menjalani ibadah dengan baik.

## ii *Psikologi*

Kemerosotan fizikal memberi kesan terhadap psikologi warga emas. Menurut Seow Ta We dan Shalini (2014), perubahan emosi yang berlaku setelah menginjak usia emas adalah kurang keyakinan diri, kekecewaan, kesunyian, sikap rendah diri dan keresahan. Di samping itu, warga emas mudah menjadi lebih sensitif, mementingkan diri, mudah berubah emosi serta degil. Malah menurutnya lagi, warga emas seolah-olah menjadi seperti kanak-kanak yang berusia 2-4 tahun. Hal ini selari dengan surah al-Nahl 16: 70 bahawa manusia itu akan kembali seperti ke peringkat usia kanak-kanak (Zamakhshari 2009; 961). Peringkat usia kanak-kanak yang dimaksudkan turut meliputi dari aspek emosi. Dalam hal ini, ahli biologi iaitu Kurt Wolff (1959: 54-55) telah bersetuju dengan pandangan ahli psikologi iaitu Gitelson yang menjelaskan, warga tua adalah golongan yang mudah terdedah kepada masalah emosi yang kurang stabil yang ditandai dengan beberapa tanda seperti; (1) Pengurangan ingatan peristiwa semasa; (2) Ketajaman ingatan peristiwa lalu terutama semasa kehidupan yang berjaya; (3) Sikap yang tegas sebagai kompensasi aspek rasa tidak selamat; (4) Kemuraman yang melampau kerana rasa tersisih dan keseorangan; (5) Sangat sensitif serta suka merungut dan sikap paranoid; dan (6) Kegelisahan kerana kematian semasa terutamanya kehilangan sanak- saudara. Menurut Erik Erikson (1963), usia warga emas yang usia 60 tahun dan ke atas merupakan fasa peringkat kesepaduan iaitu lawannya adalah putus asa. Pada peringkat ini, seseorang individu akan menjadi lebih bijaksana dan celik akal berkenaan falsafah hidupnya. selari dengan pernyataan al-Razi (2000) yang menyatakan disebalik kekurangan ini warga emas merupakan seseorang yang hebat dan sentiasa berfikiran jauh ketika diusia tua. Sehegantikan mereka terus-menerus berfikir sehingga menyebabkan akal fikiran, emosi dan rohaniah mereka menjadi cerdas (Elmi Baharuddin, 2013).

## iii *Kognitif*

Warga emas turut mengalami perubahan dari aspek kognitif seperti pelupa, mudah keliru, nyanyuk, kemurungan dan kurang daya ingatan terutama perkara baru yang berlaku. Pernyataan ini dikuatkan dengan

kenyataan Abu Hayyan (1993) yang menyebut, warga emas ialah mereka yang telah lemah dalam segala hal. Sebagai contoh, keterbatasan pancaindera, kelemahan pada perkataan dan fikiran terutamanya terhadap daya ingatan terhadap sesuatu perkara. Secara umumnya, warga emas mempunyai masalah daya penumpuan dan masalah kesihatan yang boleh memberi kesan kemurungan teruk dan seterusnya menjejaskan kesihatan fizikal (ZamZam et al., 2009).

Tiga aspek inilah yang berlaku dalam proses penuaan yang mana semua manusia yang Allah panjangkan usia harus bersedia dan menerimanya. Dalam Risalah Orang Tua karya Said Nursi, terdapat penerangan berkenaan masalah warga emas serta harapan-harapan yang diberikan melalui al-Quran. Said Nursi tidak menafikan malah meraikan perasaan sedih dan takut apabila sudah memasuki fasa penuaan, kerana fasa penuaan merupakan jalan yang paling hampir dengan kematian. Allah memperlihatkan tanda-tanda penuaan supaya manusia sedar dan bersedia dengan kematian. Oleh yang demikian, Said Nursi memvisualisasikan penuaan, kematian dan akhirat melalui al-Quran dan pandangan Iman. perubahan pandangan ini membawa manusia melihat penuaan dari sudut berbeza. Baginya, penuaan merupakan satu fasa manusia berehat dari tanggungjawab dan beban dunia. Sewaktu muda, manusia terbeban dengan kerja, tanggungjawab sebagai ibu bapa, amanah atas sesuatu jawatan dan sebagainya. Namun apabila sampai ke peringkat usia tua, manusia seolah-olah terlepas dari kesemua kesibukan tersebut dan tidak perlu lagi berhempas pulas membesarkan anak-anak yang masih kecil. Penerangan ini seperti yang di gambarkan oleh Said Nursi dalam “Kilauan ke 26” yang menyatakan bahawa;

“hubungannya dengan dunia mula terputus dan tali-tali yang mengikatnya dengan dunia mula terungkai”

Terputus hubungan dengan usia muda bukan suatu yang menyedihkan tetapi adalah suatu kerehatan dan peluang untuk warga emas fokus terhadap ibadah sehingga mampu melakukannya dengan aman dan sunyi. Said Nursi menyatakan bahawa, kelemahan dan kedaifan yang terdapat pada waktu tua sebenarnya adalah jalan untuk mencari rahmat Ilahi serta Inayah Rabbani. Malah beliau turut menyebut bahawa Allah merahmati orang-orang tua kerana kedaifan dan kelemahan mereka. Ini kerana meskipun dalam lemah dan daif mereka masih ruku’ menyembah Allah sebagaimana dari Abu Hurairah, sabda Rasulullah ﷺ

عليكم لصُبِّ رُتَعٍ وبهائم رُضَعٍ وأطفال رُكَّعٍ وشيوخ خُشَعٍ شباب لولا العذاب

“Jika bukan kerana adanya orang muda yang khusyuk, orang-orang tua yang banyak rukuk, dan bayi yang menyusu dan binatang kepada Allah SWT, nescaya akan ditimpakan bala kepada kamu”.

Oleh itu, usia tua yang berbaki harus diisi dan dimanfaatkan dengan mendekati diri kepada Allah dengan menjadikan al-Quran sebagai kekuatan dan peneman hidup. Allah SWT turut menyatakan, adalah satu kerugian kepada sesiapa yang dipanjangkan usia namun tidak digunakan dengan sebaiknya sebagaimana firman Allah SWT dalam surah at-Tin 95 :7.

ساقيلين أسفل رَدَدْنَاهُ ثُمَّ

“Kemudian (jika ia panjang umur sehingga tua atau menyalahgunakan kelengkapan itu), Kami kembalikan dia ke serendah-rendah peringkat orang-orang yang rendah”.

Oleh yang demikian, usia tua merupakan suatu kesempatan untuk warga emas melipat ganda kan ibadah dengan sebaiknya. sebab itu digelar sebagai “usia emas” usia yang sangat berharga. kelemahan yang ada pada diri tidak boleh dijadikan alasan untuk terus meninggalkan ibadah kerana Allah sudah mengaturkan rukhsah untuk warga emas melakukan ibadah mengikut tahap kemampuan mereka.

Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

الْعُمُرُ فِي إِلَيْهِ اللَّهُ أَعْدَرَ فَقَدْ سَنَّهُ، سَيُتَوَّنَ عَلَيْهِ أَتَتْ مَنْ

Maksudnya: “Sesiapa yang sampai usianya 60 tahun, maka Allah tidak menerima alasan disebabkan umurnya itu.”

Hadith di atas menunjukkan kepada kita bahawa antara tujuan Allah SWT memanjangkan usia seseorang itu adalah supaya mereka menggunakan peluang tersebut pada perkara-perkara ketaatan supaya ia tidak menjadi hujah di akhirat kelak disebabkan sedikitnya amalan seseorang itu. Bahkan hadith ini juga menunjukkan bahawa peri penting untuk warga emas mempunyai kesedaran dan memanfaatkan usia tua untuk lebih mendekati diri kepada Allah. warga emas yang sudah melazimi amal ibadah dengan baik sewaktu muda sudah pasti tidak akan bermasalah untuk melazimi amalan tersebut sewaktu tua berbanding warga emas baru sahaja mahu memulakan ibadah(

Zainab Ismail & Elmi Baharudin, 2012) kekuatan rohani dengan Ilahi mampu menguatkan kelemahan zahiri yang dialami oleh warga emas. Oleh yang demikian, warga emas perlu sentiasa mendekati diri dengan Allah melalui ibadah supaya dapat mengharungi usia tua dengan tenang dan berkualiti.

## Kesimpulan

Usia tua merupakan usia yang akan ditempuhi oleh setiap manusia jika diizinkan Allah SWT. Al-Quran menggambarkan proses manusia yang bermula dari lemah dan akan kembali semula menjadi lemah sebagai lambang kekuasaan Allah. Ini bertujuan untuk memperlihatkan kepada manusia bahawa hamba itu sentiasa lemah dan sangat berkeperluan kepada kebergantungan kepada Allah SWT. Malah melalui al-Quran, Allah menghiburkan warga emas dengan pelbagai jenis kenikmatan hidup di alam seterusnya iaitu alam akhirat. Oleh yang demikian, manusia harus memanfaatkan usia muda sehingga tua dengan berterusan mempelajari al-Quran, supaya al-Quran tersebut menjadi syifa, harapan dan hiburan di akhir usia kelak.

## Rujukan

- Abd Al-Rahman Bin Nasir Al-Sa'diy. (2002). Taisir Al-Karim Al-Rahman Fi Tafsir Kalam Al-Mannan. Dar Al-Salam. Taisrul Karimir Rahmân P.644
- Abd al-Rahman Bin Nasir al-Sa'diy. (2002). Taisir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan. Dar al-Salam. Taisrul Karimir Rahmân hlm.644
- Abdul Rashid, Ibrahim Tahir. (2014). The Prevalence And Predictors Of Severe Depression Among The Elderly In Malaysia. *Journal Cross Culture Gerontol*, 69.
- Abdullah Haddad. (1984). Renungan Tentang Umur Manusia. Pnyt: Hasain M. Makhuluf. Bandung: Penerbitan al-Mizan.
- Abu Hayyān, Muhammad Yūsuf As-Syahīd. (1993M/1413H). Tafsīr Al-Bahr Al-Muhīd. Jilid 1. Bairūt, Lubnān: Dār Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Ali Bin Muhammad bin Habib al-Mawardiyy al-Basriyy. (ttth). Al-Nukat wa al-‘Uyun Tafsir al-Mawardiyy. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Alūsī, al-Syihāb al-Din al-Sayyid Muhammad. (1994). Rūh al-Macani fi Tafsir al-Qur’ān al-cAzim wa Sabca al-Mathāni. Jilid 7, 8, 11, 15

- dan 21. Beirut, Lubnān: Dār al-Kutub al-  
cIlmiyyah.
- Al-Marāghī, Ahmad Mustafā Al-Marāghī. (2001).  
Tafsīr Al- Marāghī. Pent: Muhammad Thalib:  
Jilid 12. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan  
Pustaka.
- Al-Razī, Fakhr al-Dīn Muhammad Ibn c Umar.  
(2000M/1421H). al-Tafsīr al-Kabīr aw Mafāṭīh  
al-Ghaiyb. Jilid 20. Bairūt, Lubnān: Dar al-  
Kutub al-Ilmiyyah. p. 62.
- Ar-Raghib Al Ashfahani. (2017). Al-Mufradat Fi  
Gharibil Qur'an. Jawa Barat : Pustaka Khazanah  
Fawa'id. J3.p.794
- al-Tobari, Abu Jacfar Muhammad Jarir. (1992M/1412).  
Tafsir al-Tabari al-Musamma Jāmic al-Bayān Fi
- Ahmad, Ahmad Ibn Hanbal. (1997). Musnab Ahmad  
Bin Hanbal, Beirut. Muassash Arisalah.
- Ta'wil al-Qur'ān. Jilid 1, 3, 7 dan 8. Beirut, Lubnān:  
Dār al- Kutub al-cIlmiyyah.
- Al-tantawi. (1987). tafsir al-wasith.misr. 352/11
- Al-tha'alibi, abi mansur abd ma-malik bin muhamamd  
bin ismail. ( 2000) fi fiqh al lughat wa sir al-  
arabiyah. sun tal ayyubi, yasin ( cet.ke-2).  
beirut: almaktabat al-asriyyah.
- Al-Zamakshari, Abu al-Qāsim Mahammad cAbd  
Allah. (1995). Tafsir al-Kashāf. Jilid 1, 2 dan 4.  
Beirut, Lubnān: Dār al-Kutub al-cIlmiyyah.
- Anis, Ibrahim; al-sawalihi, 'Atiyyah; Muntasar, Abd  
al-Halim; Ahmad, Muhamad Khalf Allah.  
(2004).al Mu'Jam al Wasit ( Cet. Ke-4). kaherah  
: Maktabat al-Shurauq al Duwaliyyah.
- Bediuzzaman Said Nursi. (tt). Risalah An Nur, Risalah  
Untuk Warga Tua sebagai penawar,penenang,  
dan penghibur jiwa, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Cary S. Kart. (1997). The Realities of Aging an  
Introduction to Gerontology. Edisi ke-5. Printed  
in The United States of America.
- Elmi baharuddin. (2013). Kecerdasan Ruhaniah Dan  
Amalan Agama Warga Tua Di Rumah  
Kebajikan. UKM.
- Erikson, E.H. (1963). Childhood and Society, 2nd  
edition. New York: W.W. Norton.
- Muhammad Fuad 'Abd Al-Baqi. (2002). Al-Mu'jam  
Al-Mufahras Li Alfaz Al-Quran Al-Karim.  
Beirut: Dar Al-Makrifah.
- Marāghī, Ahmad Mustafā al-Marāghī. (2001). Tafsīr  
al-Marāghī.Terj: Muhammad Thalib: Jilid 12.  
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamka, Abdulmalik Abdulkarim Amrullah. (1999).  
Tafsir al-Azhar. Cet: ke-3: Jilid 1, 2, 5, 6, 8 dan  
10. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Ismail Bin 'Umar Bin Kathir Al-Qarashi Al-Dimasyqi.  
(1997). Tafsir Al-Quran Al-'Azim. Dar  
Tayyibah. p.588.
- Kurt Wolff, M.D. (1959). The Biology, Sociological  
and Psychological Aspects of Aging. Westport:  
Greenwood Press, Publishers
- Mahmud Bin 'Umar al-Zamaksharial-Khawarizmiy.  
(2009). al-Kasyaf. Dar al-Makrifah. p. 961.
- Muhammad bin Jarir al-Tobari. (2001). Tafsir al-  
Tobari. Al-Qaherah; Hajr. p. 292.
- Nayan, S. (2006). Keprihatinan yang luntur terhadap  
warga emas. Jurnal Intelek, 4(1), 95-105.
- Nor Raudah Siren. (2015). Psikologi Dan Penerimaan  
Warga Emas Di Komplek Warga Emas Al-  
Jenderami. Universiti Malaya.
- Qurtubhi, Tafsir Al-Qurthubi,17/180], Surah Al  
Mujadalah : 11, Tafsir Al Qurtubhi, Terjemahan  
Faturrahman, Jakarta :Pustaka Azzam 2009.
- Rogers, Dorothy. (1979). The Adult Years: An  
Introduction to Aging. New Jersey: Prentice  
Hall, Inc.
- Seow, S. S. & T. W. (2009). Pandangan Warga Tua Di  
Rumah Warga Tua:Kajian Kes Di Bandaraya  
Ipoh Dan Johor Bahru. Persidangan Kebangsaan  
Geografi & Alam Sekitar, 3(1), 143-151.
- Syams al-Din abi 'Abi 'Abdillah Muhammad bin  
Qayyim al-Jawziyyah. (1971).Tuhfah al-  
Maudud bi Ahkam al-Mawluḍ. Dar Kutub al-  
'Ilmiyyah. p. 162.
- ZamZam, R., Thambu, M., Midin, M., Omar, K., &  
Kaur, P. (2009). Psychiatric morbidity among  
adult patients in a semi-urban primary care  
setting in Malaysia. International Journal Of  
Mental Health Systems, 3(1), 13.
- Zainah Moktar. (2011). Awet Muda 7 Rahsia Kesihatan  
Holistik.Universti Teknologi Malaysia. ms.19.
- Zainab Ismail & Elmi Baharuddin. (2012). Religious  
Participations Among the Older Persons In  
Malaysia. Advances in Natural and Applied  
Sciences, 6(3): 388-391, 2012 ISSN 1995-0772



Bangi : UKM

Zabidi, A., Razak, A. (2016). Pengurusan, J., & Pendidikan, D. 2016. No Title, (Irsyad), 1055–1069.